

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini membicarakan tentang metodologi yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian ini daripada awal sehingga akhir bagi mencapai objektif yang telah

digariskan dalam bab yang pertama. Turut dibincangkan dalam bab ini ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan metodologi kajian seperti rekabentuk kajian, lokasi kajian, responden kajian, instrumen kajian, kajian rintis, kaedah pengumpulan data, pertimbangan yang dititikberatkan, prosedur kajian dan analisis data yang dihuraikan oleh penyelidik melalui subtajuk yang ditentukan.

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk menilai sejauh mana kesesuaian aktiviti lakonan dan kemampuannya untuk menarik minat dan penglibatan pelajar semasa Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti masalah pertuturan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah khususnya pelajar tingkatan empat yang sudah melalui pembelajaran bahasa Arab dari tingkatan satu sehingga tingkatan tiga. Kajian ini adalah kajian kes yang menggunakan set borang soal selidik, borang pemerhatian dan rakaman aktiviti lakonan pelajar dalam kelas, menurut Chua Yan Piaw (2006 : 156) kajian kes adalah sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat dengan terperinci tentang tingkah-laku individu dan sosial. Kajian jenis ini juga boleh digunakan untuk mendapatkan gambaran yang sebenar bagaimana sesuatu tingkah-laku individu, kumpulan dan perubahan sosial itu berlaku.

Melalui kajian kes ini penyelidik dapat mengenalpasti apakah permasalahan sebenar yang dihadapi oleh pelajar sekolah menengah khususnya pelajar tingkatan empat

SMKA Kuala Lumpur, tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti lakonan yang dijalankan di dalam kelas semasa P&P bahasa Arab.

Kesemua maklumat yang diperolehi melalui instrumen yang digunakan dalam kajian kes ini akan dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif bagi memaparkan perkara sebenar terhadap permasalahan pertuturan pelajar dan penglibatan mereka dalam aktiviti ini. Kajian ini menggunakan rekabentuk seperti berikut :

- a. Kajian Perpustakaan
- b. Kajian Lapangan

3.1.1 Kajian Perpustakaan

Melalui kajian perpustakaan penyelidik mengumpul data dan maklumat yang berkaitan dengan aspek teori dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini. Penyelidik memperolehi maklumat tersebut daripada buku-buku, tesis-tesis dan kertas kerja ilmiah terbitan dalam dan luar negeri yang berkaitan dengan tajuk kajian daripada Perpustakaan Fakulti Bahasa UM, Perpustakaan Utama UM dan Perpustakaan Peringatan Za'aba UM.

Penyelidik juga menjalankan kajian perpustakaan di perpustakaan luar seperti Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Islam Malaysia, Pusat Islam Kuala

Lumpur dan Perpustakaan Institut Perguruan Malaysia (IPG) Kampus Pendidikan Teknik Kuala Lumpur iaitu tempat penyelidik berkhidmat kini bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan topik kajian dan huraianya dengan lebih terperinci.

3.1.2 Kajian Lapangan

Penyelidik juga menggunakan kajian lapangan dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Kajian lapangan menurut Asmah Hj. Omar (2002 : 1-2) adalah merujuk kepada tempat sesuatu fenomena yang hendak dikaji yang menyediakan maklumat kajian untuk ditafsir berdasarkan objektif kajian. Penyelidik menjalankan aktiviti lakonan di lokasi kajian sepertimana yang dirancang dan dikehendaki bagi mencapai objektif kajian ini. Aktiviti lakonan ini akan dirakam dan dijadikan bahan kajian bagi mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi pelajar semasa bertutur dengan menggunakan bahasa Arab (BA).

Rakaman ini akan dijadikan sebagai bahan untuk melihat permasalahan yang dihadapi oleh pelajar semasa bertutur BA dan untuk menilai tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti lakonan ini. Selain itu penyelidik menyediakan 30 set soal selidik yang telah disediakan berdasarkan objektif kajian dan akan diagihkan kepada responden kajian selepas mereka menjalani aktiviti lakonan yang ditetapkan. Kajian ini adalah berbentuk kajian kuantitatif yang melibatkan sebuah kelas tingkatan empat yang mengambil matapelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur sebagai sampel kajian.

3.2 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL) yang terletak kira-kira 15 kilometer daripada Bandaraya Kuala Lumpur. Sekolah ini menawarkan matapelajaran bahasa Arab bermula daripada tingkatan satu sehingga ke tingkatan lima. Sekolah ini dipilih sebagai lokasi kerana memenuhi kriteria kajian dari segi responden kajian selain daripada faktor geografinya yang berhampiran dengan penyelidik yang memudahkan penyelidik dalam menyelesaikan kajian ini.

Sekolah Mengengah Agama Kuala Lumpur (SMKAKL) ditubuhkan pada 1 Januari 1988. Pendaftaran pelajar sulungnya telah diterima secara rasminya oleh Yang Berbahagia Puan Hajjah Badiah bt. Abdul Manan, Pengarah Pelajaran, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ketika itu. Untuk sementara waktu, pelajar putera sekolah ini ditempatkan di SM. Wangsa Maju, Seksyen 2, Wangsa Maju, Setapak, Kuala Lumpur, manakala pelajar puteri pula ditempatkan di Sekolah Menengah Puteri Wilayah, Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur.

Setelah 5 tahun, pelajar-pelajar SMKAKL dipindahkan ke bangunan sendiri yang terletak di Bandar Menjalara, Kepong. Bangunan baru ini dibina di kawasan seluas 19 ekar dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk keselesaan pelajarannya seperti surau, dewan makan, asrama putera dan puteri, dewan besar, padang dan gelanggang

permainan serta rumah guru dan kakitangan. Bangunan yang tersergam indah ini telah mula diduduki oleh pelajar putera pada 26 Disember 1993.(Al-Isra:’ 2008: 17).

Sekolah ini menawarkan pelajar daripada tingkatan satu sehingga ke tingkatan lima, jumlah kelas yang terdapat pada tahun 2009 adalah sebanyak 20 kelas keseluruhannya. Manakala tingkatan empat mempunyai sebanyak empat kelas dan kesemua kelas mengambil mata pelajaran bahasa Arab dengan jumlah masa yang sama. Setiap kelas tingkatan empat di SMKAKL mengambil jurusan yang berbeza. Perincian mengenai taburan jumlah pelajar tingkatan empat di sekolah ini dapat dilihat pada jadual yang berikut :

Jadual 3.1: Taburan Pelajar Tingkatan Empat SMKAKL 2009

Bil.	Kelas Tingkatan 4	Jumlah Pelajar	Jurusan
1.	4 Othman	29 pelajar	Sains Tulen
2.	4 Umar	24 pelajar	Sains Ikhtisas
3.	4 Ali	30 pelajar	Sains Tulen
4.	4 Abu Bakar	25 pelajar	Akaun
5.	4 Hamzah	33 pelajar	Sains Tulen

3.3 Responden Kajian

Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar sekolah menengah daripada sebuah tingkatan empat SMKA Kuala Lumpur yang terdiri daripada 30 pelajar keseluruhannya

iaitu 15 pelajar lelaki dan 15 perempuan. Kelas yang dipilih adalah secara rawak dan berdasarkan kepada peluang yang diberikan oleh pihak pentadbir sekolah. Kriteria pemilihan responden kajian ini juga telah dinyatakan oleh penyelidik dalam bab yang terdahulu.

Jumlah sampel yang dipilih adalah mewakili 21.3% daripada pelajar tingkatan empat di SMKA Kuala Lumpur pada tahun 2009. Kesemua sampel yang dipilih merupakan pelajar yang mengambil matapelajaran bahasa Arab. Taburan sampel boleh dilihat pada rajah berikut :

Jadual 3.2 : Taburan Pelajar Tingkatan 4 Ali

Tingkatan	Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan	Jumlah
Empat Ali	15 pelajar	15 Pelajar	30

Kriteria pemilihan mereka pula adalah berdasarkan tahap pendidikan mereka dalam matapelajaran bahasa Arab yang baik secara relatifnya kerana faktor tempoh pembelajaran yang lama, iaitu mereka telah melalui tempoh pembelajaran bahasa Arab selama hampir 4 tahun bermula daripada tingkatan satu sehingga tingkatan empat.

Selain itu mereka juga dipilih kerana tidak terlibat dengan peperiksaan awam seperti PMR, SPM atau STPM di samping peluang yang diberikan oleh pihak pentadbir sekolah dalam menyempurnakan kajian ini.

3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berdasarkan bentuk data yang diperolehi melalui beberapa instrumen yang telah dipilih oleh penyelidik dalam menyempurnakan kajian ini, iaitu soal selidik, pemerhatian dan rakaman aktiviti lakonan. Ketiga-tiga instrumen ini difikirkan sesuai oleh penyelidik dalam mencapai objektif kajian ini kerana aktiviti lakonan melibatkan pergerakan dan pertuturan pelajar.

3.4.1 Soal Selidik

Soal selidik akan dijalankan ke atas pelajar tingkatan empat yang terpilih sebagai sampel kajian. Soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu, bahagian A, bahagian B dan bahagian C.

Bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang pelajar secara ringkas seperti nama dan alamat sekolah, jantina, tingkatan, dan umur. Manakala bahagian B pula mengandungi item yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab melalui penggunaan aktiviti lakonan yang terdiri daripada soalan aneka pilihan dan soalan berbentuk terbuka yang memerlukan pelajar memberikan jawapan berbentuk pandangan mereka sendiri.

Manakala bentuk soalan bagi bahagian C pula adalah berbentuk skala likert yang mempunyai lima pilihan jawapan iaitu item yang berkaitan dengan aktiviti lakonan

yang mewakili satu bagi sangat tidak setuju, dua bagi tidak setuju, tiga bagi sederhana setuju, empat bagi setuju dan lima bagi sangat setuju. Bahagian ini adalah bertujuan untuk melihat persepsi pelajar terhadap aktiviti lakonan yang telah dijalankan.

Soalan bahagian ini memerlukan pelajar menandakan dengan memilih jawapan yang dikehendaki. Penyelidik membahagikan bahagian ini kepada enam unit kecil bagi memudahkan pelajar menjawab soalan soal selidik di samping tidak menjemukan pelajar ketika menjawab. Pembahagian unit dalam bahagian ini adalah seperti berikut:

- i. Unit 1 : Lakonan dalam Pembelajaran.
- ii. Unit 2: Lakonan dan Pertuturan.
- iii. Unit 3: Lakonan dan Fonetik.
- iv. Unit 4: Lakonan dan Kosa Kata.
- v. Unit 5 : Lakonan dan Nahu.
- vi. Unit 6: Lakonan dan Strategi Komunikasi.

Soal selidik ini akan diagihkan kepada sampel kajian selepas mereka menjalani aktiviti lakonan di dalam kelas bagi melihat penglibatan dan persepsi mereka terhadap aktiviti lakonan yang telah dijalankan. Oleh kerana borang soal selidik ini tidak meletakkan nama responden bagi menjaga kerahsiaan data, penyelidik menggunakan kod tertentu bagi setiap borang soal selidik untuk dimasukkan ke dalam perisian *Statistic Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 11.5.

Penyelidik juga terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada responden untuk terlibat dalam kajian. Mereka juga mestilah bersedia untuk menjawab soal selidik serta menjalankan aktiviti lakonan yang ditugaskan.

Dalam menjalankan soal selidik ini penyelidik berusaha menarik kerjasama responden dan menimbulkan kesedaran mereka bahawa jawapan yang jujur adalah amat diperlukan. Penyelidik telah menyediakan soal selidik berdasarkan panduan berikut :

- i. Soalan yang disediakan mestilah jelas dan mudah difahami.
- ii. Soalan yang disediakan mampu dijawab oleh responden berdasarkan tahap mereka.
- iii. Soalan yang dibuat mestilah tidak "bias", menyentuh isu sensitif dan menjatuhkan maruah pihak tertentu.
- iv. Soalan yang diajukan jawapannya tidak dapat diperolehi daripada sumber-sumber lain.
- v. Soalan terbuka yang sesuai dengan tahap pelajar dan mudah untuk dijawab dan memberikan kebebasan kepada pelajar untuk mengemukakan pendapat.
- vi. Memberi ganjaran berbentuk hadiah di atas kesudian menjawab soalan soal selidik.

Di antara faedah yang boleh didapati melalui soal selidik adalah penyelidik dapat memperolehi dapatan yang pelbagai daripada responden dengan diajukan soalan yang

sama disamping melancarkan lagi penyelidikan kerana dapatan yang diberikan akan dianalisa dengan cepat dan mudah melalui bantuan teknologi komputer.

3.4.2 Rakaman

Responden akan diberikan tugas untuk menyediakan sebuah drama ringkas untuk tempoh 5 hingga 10 minit. Ahli lakonan pula terdiri daripada lima orang paling maksima. Ini bagi memaksimumkan pertuturan mereka semasa kajian dijalankan. Setiap dialog mereka akan dirakamkan sebagai bahan kajian dan penyelidik sendiri bertindak sebagai guru yang mengendalikan kelas ini.

Sebelum kelas bermula penyelidik akan memberikan penerangan tentang aktiviti yang akan dijalankan dan garis panduan dalam menjalankan aktiviti lakonan. Seterusnya penyelidik mengagihkan tema lakonan kepada setiap kumpulan untuk berbincang sesama mereka dan menyediakan skrip drama tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu lebih kurang 30 minit kerana jumlah masa ini difikirkan sesuai untuk menghasilkan skrip lakonan dengan cara perbincangan bersama ahli kumpulan.

Apabila sesi perbincangan selesai penyelidik meminta setiap kumpulan menjalankan aktiviti lakonan di hadapan kelas. Aktiviti ini akan dirakam oleh individu yang dilantik oleh penyelidik yang berkemahiran dalam rakaman, ini adalah bagi memastikan data yang diperolehi adalah jelas dan tiada kecaciran. Rakaman yang dimaksudkan adalah rakaman audio visual. Melalui rakaman ini penyelidik berpeluang untuk mendengar

dan mengamatinya berkali-kali bagi memastikan ketepatan data yang diperolehi dan membantu penyelidik dalam menganalisa data bagi memastikan objektif kajian tercapai.

3.4.3 Pemerhatian

Pemerhatian akan dilakukan oleh penyelidik sendiri semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bagi perkara yang berkaitan dengan pertuturan pelajar. Penyelidik juga bertindak sebagai guru ketika menjalankan aktiviti lakonan ini. Walaubagaimanapun bagi memerhati penglibatan pelajar dalam aktiviti lakonan penyelidik melantik pemerhati seramai 5 orang. Setiap pemerhati akan membuat pemerhatian ke atas seorang pelajar sahaja dan mencatatkan data pemerhatian mereka pada borang pemerhatian yang disediakan. Penyelidik menyediakan borang pemerhatian ini bagi mendapatkan data yang sistematik seterusnya dapat menghasilkan penyelidikan yang bermutu.

Pemerhatian ini adalah bagi mendapatkan data yang berkaitan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti lakonan, keaktifan dan kesungguhan pelajar dalam menjalankan aktiviti ini. Selain itu penyelidik juga menjalankan pemerhatian tersebut dalam rakaman yang telah dijalankan untuk mengelakkan keciciran maklumat. Bagi mengumpul data berkaitan dengan penglibatan pelajar ini penyelidik menyediakan borang pemerhatian yang mengandungi beberapa item berikut iaitu :

- a) Tahap kerjasama pelajar dalam perbincangan sebelum aktiviti lakonan.

- b) Tahap keyakinan pelajar dalam bertutur semasa aktiviti lakonan.
- c) Tahap keaktifan penglibatan pelajar semasa aktiviti lakonan.
- d) Kesiediaan pelajar untuk berusaha bertutur dengan sebaik mungkin.
- e) Pelajar berusaha membantu rakan untuk bertutur dengan baik.

Borang pemerhatian yang disediakan mengandungi tiga tahap yang diperhatikan oleh pemerhati terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti lakonan iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi. Melalui kaedah ini pemerhati dapat memerhatikan penglibatan pelajar dalam aktiviti ini. Seterusnya pemerhati dapat mencatatkan data-data yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian ini.

3.4.4 Aktiviti Lakonan

Aktiviti lakonan merupakan salah satu aktiviti yang menarik dan dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji bahasa untuk dijalankan di dalam kelas terutama bagi pembelajaran kemahiran pertuturan berdasarkan kepada kelebihan yang terdapat pada aktiviti ini.

Melalui aktiviti lakonan ini juga pelajar bebas untuk bertutur mengikut bahasa yang mereka kehendaki, di sini potensi pelajar dapat diketengahkan dalam pertuturan mereka

dan seterusnya pelajar akan lebih bermotivasi kerana dapat menyumbang kepada perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Suasana yang seronok dan gembira dapat dihasilkan melalui aktiviti ini kerana pelajar bebas bergerak, melakukan mimik muka, berinteraksi dan tidak terikat kepada kedudukan yang statik dikerusi masing-masing. Jadi suasana ini akan dapat menghindarkan pelajar berasa bosan kerana kebosanan ini akan menyebabkan pelajar lari daripada belajar dan menimbulkan pelbagai masalah lain.

Selain itu, melalui aktiviti lakonan juga pelajar didedahkan dengan latihan menyebut perkataan dan dialog dengan nada, intonasi, tekanan suara yang sesuai, bertutur dengan jelas, menyebut dengan tepat dan dapat mengenali jenis-jenis ayat, ragam bahasa dan laras bahasa berdasarkan situasi tertentu.

Lakonan yang dijalankan adalah lakonan ringkas selama lima hingga sepuluh minit sahaja yang akan dilakukan oleh pelajar secara berkumpulan tidak lebih daripada lima orang anggota. Anggota tersebut dipilih secara rawak oleh penyelidik bagi mengelakkan pelajar memilih kawan mereka yang mungkin mempunyai kemahiran bertutur yang setara di antara satu sama lain. Tema lakonan adalah sesuai dengan kehendak sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan empat yang disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Tema tersebut adalah seperti berikut berikut :

- i. Kumpulan Satu : Situasi di sekolah (فِي الْمَدْرَسَةِ).

- ii. Kumpulan Dua : Situasi di rumah (فِي الْبَيْتِ) .
- iii. Kumpulan Tiga : Situasi dalam kelas (فِي الْفَصْلِ) .
- iv. Kumpulan Empat : Situasi di hospital (فِي الْمَسْتَشْفَى) .
- v. Kumpulan Lima : Situasi di kedai (فِي السُّوقِ) .
- vi. Kumpulan Enam : Situasi di lapangan terbang (فِي الْمَطَارِ) .

Dalam menjalankan aktiviti ini penyelidik menitikberatkan beberapa perkara bagi menjadikan aktiviti ini lebih berkesan iaitu mengadakan situasi yang menggalakkan pelajar untuk berkomunikasi, memastikan pelajar faham situasi yang ingin dilakonan, memberikan kebebasan kepada pelajar untuk menuturkan dialog mereka dan mengadakan perbincangan sebelum dan selepas aktiviti lakonan dijalankan.

3.5 Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan, penyelidik terlebih dahulu menjalankan kajian rintis ke atas 30 orang responden untuk menjawab soal selidik yang telah disediakan. Responden dalam kajian rintis adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang hampir sama latarbelakang, jurusan, umur dan bilangannya dengan responden sebenar.

Tujuan kajian rintis dijalankan adalah untuk menguji kejelasan dan ketepatan soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal selidik kajian ini. Selain itu kajian rintis ini dapat mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam borang soal selidik seperti ketidakjelasan maksud soalan, kesesuaian soalan dengan bidang kajian dan lain-lain yang bakal dikenalpasti.

Selain itu juga penyelidik menjalankan kajian rintis terhadap aktiviti lakonan. Kajian ini dijalankan seperti kajian sebenar dengan melaksanakan aktiviti lakonan di dalam kelas bermula daripada penerangan, perbincangan dalam menyediakan skrip lakonan dan pelaksanaan aktiviti lakonan. Kajian rintis ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap pemahaman pelajar kepada penerangan penyelidik sebelum aktiviti lakonan, sekiranya ada kesamaran arahan akan diperjelaskan lagi. Melalui kajian rintis ini juga penyelidik memberikan perhatian kepada aspek pembahagian masa sepanjang aktiviti lakonan bagi memastikan masa yang diperuntukkan adalah cukup dan sesuai bagi setiap peringkat aktiviti ini.

3.6 Prosedur Kajian

Kajian ini akan dijalankan setelah mendapat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan.

Kemudian penyelidik menemui pengetua lokasi kajian untuk memohon kebenaran serta menentukan masa dan tarikh untuk kajian dijalankan. Penyelidik juga akan berbincang dengan guru bahasa Arab di lokasi kajian untuk mendapat gambaran awal tentang keupayaan pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab.

Setelah memperoleh masa yang sesuai, barulah aktiviti lakonan ini akan dijalankan ke atas sampel kajian. Soal selidik juga akan diberikan setelah kesemua aktiviti lakonan dijalankan. Pemerhatian juga dijalankan untuk melihat kesungguhan dan penglibatan pelajar semasa aktiviti lakonan dijalankan.

3.7 Pengumpulan Dan Analisis Data

Bagi pengumpulan data, penyelidik menggunakan dua kaedah dalam pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah merujuk kepada data yang dikumpulkan sendiri oleh penyelidik menerusi set soal selidik pelajar, borang pemerhatian dan data rakaman. Pengumpulan data sekunder pula adalah lebih mengutamakan penyelidikan perpustakaan dan data tersebut telah dikumpul daripada kajian-kajian berkaitan yang dilakukan sebelum ini oleh penyelidik lain sama ada dalambentuk buku, majalah, kertas seminar dan sebagainya (Rohana Yusof 2003 : 127).

Penyelidik mengumpulkan data daripada borang soal selidik dan membahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Perincian soal selidik bagi setiap bahagian telah dibincangkan dalam subtajuk yang terdahulu.

Daripada soal selidik ini penyelidik dapat mengumpulkan data berkaitan persepsi pelajar terhadap aktiviti lakonan yang dijalankan. Bagi soal selidik ini, penyelidik menggunakan kod tertentu untuk memudahkan analisis dibuat. Seterusnya maklumat yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan perisian statistik iaitu *Statistic Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 11.5 untuk membuat pengiraan dari segi frekuensi, peratusan, min, medium, dan mod.

Manakala bagi instrumen rakaman, penyelidik memberi perhatian sepenuhnya kepada keseluruhan rakaman kerana data ini akan menunjukkan sebarang permasalahan yang dihadapi pelajar semasa bertutur selain dapat membantu dalam melaksanakan pengumpulan data berbentuk pemerhatian. Setelah rakaman dilakukan, penyelidik akan menyenaraikan transkripsi keseluruhan aktiviti lakonan bagi memungut data dan pendokumentasian rakaman.

Analisis permasalahan tersebut adalah berdasarkan kepada permasalahan pertuturan pelajar yang tertumpu kepada masalah kosa kata, fonetik, masalah struktur dan masalah berkaitan penggunaan SK. Kesemua permasalahan ini akan dianalisa secara manual mengikut kekerapan dan peratusan bagi melihat tahap permasalahan yang dihadapi oleh pelajar bagi setiap item. Setelah permasalahan dianalisis mengikut empat permasalahan utama penyelidik memperincikan lagi analisa dapatan tersebut kepada

aspek ataupun tajuk yang menjadi permasalahan utama pelajar ketika bertutur. Analisis ini juga dikira berdasarkan kekerapan dan peratusan.

Borang pemerhatian pula akan di analisis dengan menggunakan pakej perisian statistik iaitu *Statistic Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 11.5 dengan menggunakan huraian frekuensi dan min dalam melihat penglibatan pelajar. Bagi item yang menunjukkan min 1 ke atas dikira di tahap baik manakala min 2.0 ke atas dikira ditahap yang sangat baik. Min mengikut Kamus Dewan (2005 : 1033) adalah nilai hitung panjang (pukul rata) bagi sesuatu set nombor. Daripada takrif di atas penyelidik dapat simpulkan bahawa min adalah purata atau hasil nombor yang diperolehi dengan membahagikan jumlah keseluruhan angka dalam sesuatu set nombor yang banyak, hasil daripada data yang dikumpulkan dalam sesuatu kajian.

3.8 Pertimbangan Yang Perlu Dititikberatkan

- 1) Kajian yang akan dijalankan mestilah mematuhi peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berkenaan.
- 2) Setiap data dan dapatan yang diperolehi daripada responden kajian adalah sulit dan tidak boleh didedahkan kepada umum tanpa kebenaran daripada pihak-pihak yang terlibat terlebih dahulu.

- 3) Penyelidik perlu memastikan bahawa penglibatan responden dalam aktiviti pengumpulan data kajian ini adalah selamat dan tidak membahayakan pelajar.

3.9 Penutup

Metodologi kajian yang telah dibincangkan dalam bab ini merupakan panduan bagi penyelidik dalam melaksanakan kajian ini dan memastikan hasil atau dapatan yang bakal diperolehi adalah tinggi kesahan dan kebolehpercayaannya. Manakala analisis data dan perbincangan yang berkaitan akan dimuatkan dalam bab yang seterusnya.

BAB EMPAT

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN